

26 JUL 2001

Mahathir-Pekan Rabu

MAHATHIR TINJAU PROJEK UBAHSUAI PEKAN RABU

ALOR SETAR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari ini meninjau projek mengubahsuai Pekan Rabu yang menelan belanja RM13 juta.

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pengerusi persatuan peniaga Pekan Rabu Haji Azmi Shahab dan pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri, mengambil masa kira-kira 20 minit meninjau ke kawasan itu.

Beliau turut mendengar taklimat daripada arkitek projek, Syed Tajol Ariff Syed Baharom.

Syed Tajol Ariff berkata keseluruhan projek itu dilaksanakan dalam tiga fasa, dengan fasa pertama merangkumi pembinaan dataran pejalan kaki dan menempatkan semula peniaga yang berada di luar bangunan ke dalam bangunan.

Fasa pertama itu dimulakan pada bulan lepas dan dijangka siap pada akhir tahun ini dan diikuti dengan fasa kedua iaitu membina dataran Sungai Raja yang bersambung dengan bangunan baru Pekan Rabu bagi menempatkan peniaga makanan.

Katanya fasa terakhir melibatkan pengubahsuaian bangunan bekas pejabat Mara setinggi lima tingkat sebagai hotel ekonomi, mengubahsuai bahagian dalaman bangunan lama dan bangunan baru Pekan Rabu serta membina tempat untuk persembahan kebudayaan di Arked Empire yang terletak di hadapan Pekan Rabu.

Fasa terakhir itu yang juga mengambil masa enam bulan untuk disiapkan akan dimulakan sebaik sahaja fasa kedua selesai, kata beliau.

Pekan Rabu itu, yang dikenali pelancong tempatan dan luar negeri sebagai tempat jualan pakaian, kraftangan dan kuih-muih tradisional Melayu, akan dikenali sebagai Pekan Rabu-Che Det Mall apabila projek itu siap kelak.

Pekan Rabu dianggap sinonim dengan Perdana Menteri kerana beliau pernah berniaga pisang goreng dan kayu api semasa di zaman remajanya.

-- BERNAMA

ZA AKD